

Budaya Ilmu, Budaya Berfikir dan Budaya Berkarya: Memugar Tradisi Kesarjanaan di Institusi Pengajian Tinggi

Rasid Muhamad

ABSTRAK

Tulisan ini ingin mengetengahkan beberapa sendi yang sepatutnya dibudayakan untuk memugarkan tradisi kesarjanaan dalam konteks sebuah institusi pengajian tinggi. Sendi utama tersebut termasuklah budaya ilmu, budaya berfikir dan budaya berkarya. Ianya sekaligus membincangkan peranan asasi golongan cendekiawan yang duduk di menara gading, sekaligus melaksanakan misi perubahan dalam masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Budaya ilmu, budaya berfikir serta budaya berkarya merupakan ciri-ciri masyarakat yang bertamadun tinggi yang sesungguhnya perlu diusahakan.

Kata kunci: *budaya, institusi pengajian tinggi, kesarjanaan*

Pengenalan

Kewujudan sesebuah institusi pengajian tinggi, atau tegasnya universiti, bukan hanya dilambangkan melalui tersergam indahnya bangunan yang mega dan canggih, kos pengajiannya yang tinggi, dan sebagainya yang serba mewah. Tetapi kewujudan sesebuah universiti sebagaimana yang diungkapkan oleh Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988):

"..universiti bukan hanya benguinannya, bukan hanya kenyataan zahirnya. Sesungguhnya dalam sejarah universiti mana pun, pengajar-pengajar atau guru-gurunya dan yang belajar daripada mereka adalah unsur utama kewujudan universiti. Jadi cemerlang atau tidak universiti itu bergantung pada ilmu pengetahuan dan pengenalan yang ada pada diri guru-gurunya masing-masing. Sekiranya ilmu yang ada pada guru itu tidak betul-betul matang serta mendalam, maka tentu sahaja taraf universiti itu tidak akan cemerlang".

Budaya ilmu, budaya berfikir, dan budaya berkarya, bukan hanya mencirikan masyarakat intelektual dan budaya universiti, tetapi merupakan budaya umum sebuah masyarakat yang bertamadun.

Golongan Cendekiawan

Kenyataan Prof Naquib al-Attas di atas menegaskan betapa kematangan dan kewibawaan seseorang ahli akademik atau pensyarah itu amat menentukan bukan hanya kecemerlangan tetapi kewujudan sesebuah universiti. Budaya asasi yang akan dihuraikan merupakan proses pematangan yang sepatutnya berlaku bagi melahirkan golongan intelektual yang berwibawa, yang sekaligus mampu mengangkat status serta kedudukan sesebuah universiti tersebut. Ianya akan menyerlahkan peranan sebenar institusi pengajian tinggi serta peranan dan tanggungjawab golongan ilmuan atau cendekiawan.

Golongan ilmuan, merupakan golongan yang penting dalam masyarakat. Golongan intelektual, sebagaimana yang didefinisikan oleh Syed Hussein al-Atas (1977), merujuk kepada,

“orang yang memusatkan diri untuk memikirkan idea dan masalah, bukan kebendaan dengan menggunakan kemampuan akliah... Pengetahuan tentang sesuatu pokok permasalahan tertentu atau memiliki suatu gelar tertentu belumlah membuat seseorang itu menjadi intelektual, walaupun hal ini berdampingan; banyak didapati pemegang gelar dan profesor yang tidak memusatkan diri untuk mengembangkan bidang mereka atau berusaha untuk menemukan pemecahan atas masalah tertentu dalam bidangnya. Sebaliknya, orang yang tanpa kelayakan akademik dapat menjadi intelektual apabila dia memanfaatkan kemampuan berfikir dan memiliki pengetahuan yang cukup mengenai pokok bahasan yang diminatinya. Ahli falsafah Inggeris, Herbert Spenser, tidak mempunyai kelayakan akademik, tetapi dialah salah seorang intelektual terkemuka di zamannya”.

Sarjana ternama Indonesia Seodjatmoko (1984), mendefinisikan golongan cendekiawan sebagai

“ilmuan yang terdera perasaannya melihat realiti masyarakatnya. Mereka merupakan pendorong kesedaran dan keinsafan, pencetus pemikiran-pemikiran dan arah baru, serta pembawa perubahan untuk mengangkat martabat bangsa dan tanah airnya”.

Manakala Ali Ahariati (1985), menamakan cendekiawan sebagai “rausyanfikir” yang bermaksud “pemikir yang mencerahkan”. Baginya cendekiawan tersebut ialah, “kelompok orang yang merasa terpanggil untuk memperbaiki masyarakatnya, menangkap aspirasi mereka, merumuskannya dalam bahasa yang dapat difahami setiap orang,

menawarkan strategi alternatif pemecahan permasalahan masyarakatnya”.

Nyatalah golongan intelektual itu merupakan golongan yang “memusatkan” diri dalam hal-hal yang khusus dan diminati, serta membina kekuatannya dalam bidang berkenaan. Dalam hal yang berkaitan, Zaini Ujang (1993) mendefinisikan intelektual sebagai,

“insan yang memusatkan dirinya untuk memikirkan idea, mekanisme, gagasan, masalah dan seumpamanya yang bersifat kebendaan serta bukan kebendaan dengan menggunakan unsur rohaniah yang membolehkan pengenalanpastian dan pembedaan terhadap kebenaran dan kepelsuan. Tahap tertinggi yang mampu dicapai oleh seseorang intelektual itu turut membabitkan kemampuannya untuk berfikir berasaskan kepada garis-garis panduan yang ditetapkan oleh syariah serta bimbingan ilahi bagi mencapai matlamatnya iaitu kebenaran dan realiti sehingga terbentuknya peradaban tinggi”.

Golongan ilmuwan, atau cendekiawan, pastinya mempunyai watak dan citra yang tersendiri. Dalam hal ini, Abdul Rahman Ahmad (2006), telah menghuraikan watak asasi golongan ini, iaitu melibatkan:

- Mereka yang tahu dan faham tentang hakikat kewujudan dirinya di dunia ini.
- Mereka yang tahu dan faham tentang hubungan dirinya dengan alam dan dengan Tuhan yang menciptakannya.
- Mereka yang tahu dan faham serta meletakkan dirinya dalam proses pembelajaran sepanjang hayat (lifelong learning).
- Mereka yang tidak membuang masa dan suka menyebarkan idea-idea yang bernas dalam kehidupannya.
- Mereka yang sentiasa menghargai pandangan orang lain dan suka berbincang secara jujur.
- Mereka yang dapat menyemalami pemikiran orang lain dan bertindak mengikut kesesuaian pemikiran tersebut;
- Mereka yang meletakkan kebolehan, keupayaan dan pengalaman seluruhnya untuk berbakti kepada agama, bangsa dan negara.
- Mereka yang memberikan keutamaan kepada nilai-nilai hidup yang mulia samada di tempat kerja atau dalam masyarakat.
- Mereka yang boleh berkongsi tugas dan tanggungjawab sematamata untuk kebaikan organisasi.
- Mereka yang dapat menerima dan membuat penyesuaian diri terhadap sebarang perubahan yang berlaku terutama dalam

- konteks teknologi baru.
- Mereka sentiasa merangsang diri untuk melakukan sesuatu yang bermanfaat kepada semua pihak.
- Mereka yang meletakkan semangat pengorbanan dan keikhlasan bekerja sebagai satu kejayaan yang abadi.

Nyatalah golongan cendekiawan, atau ahli akademik, merupakan golongan “terpilih” dalam sesebuah masyarakat, yang hidupnya di “menara gading”, tetapi peranan serta pengaruhnya mengakar dalam masyarakat. Ia bukan golongan elit yang tidak berjejak di bumi nyata, tetapi seorang yang idealis, yang realis berjejak di bumi nyata, memahami masalah, serta cabaran dan tuntutan zamannya.

Peranan Asasi

Golongan cendekiawan, seperti yang diungkapkan oleh pelbagai sarjana sebagaimana yang dijelaskan di atas, mempunyai peranan yang cukup dalam masyarakat. Mereka merupakan golongan sedar dan menyedarkan masyarakatnya dengan penglibatan yang bersungguh-sungguh ke arah yang sedemikian. Mereka bukan hanya mementingkan kepentingan diri, tetapi lebih mementingkan orang lain serta masyarakat umum. Menurut Siddiq Fadzil (2006), golongan cendekiawan amat penting dalam membawa perubahan dan menghayati “misi pencerahan” di kalangan umat Islam. Misi pencerahan, dalam erti membawa perubahan sebagaimana yang ditunjukkan oleh para nabi dan rasul, agar umat manusia hidup dalam bimbingan dan naungan nilai kebenaran ilahi.

Peranan golongan cendekiawan Muslim khususnya dalam konteks di dunia moden kini, dijelaskan juga oleh Ziauddin Sardar (1998), melalui karyanya Jihad Intelektual. Melalui tulisannya beliau merumuskan peranan cendekiawan muslim itu sebagai,

“para sarjana dan cendekiawan Muslim mempunyai peranan yang utama, iaitu untuk menghilangkan ketidakadilan dan penindasan baik terhadap masyarakat Muslim dan masyarakat lain di dunia ini. Tetapi jika mereka ingin memperoleh kepercayaan dan penghormatan dari umat, mereka seharusnya memberi perhatian yang serius terhadap nilai dan budaya umat Islam, serta pandangan alam Islam. Mereka seharusnya memperjuangkan kebenaran dan keadilan yang bebas, serta mampu menyesuaikan ciri intelektualisma mereka bagi memenuhi keperluan dan tuntutan masyarakat semasa”.

Dalam tradisi Islam, golongan intelektual merupakan golongan yang dianggap boleh berperanan dengan ikhlas dalam masyarakat. Dalam hal ini Al-Ghazali (1980) telah menghuraikan ciri cendekiawan tulen dan baik, melalui karyanya Ihya Ulumuddin, yang mempunyai sifat-sifat berikut:

- Tidak mencari kesenangan keduniaan dengan ilmunya;
- Meyakini dan beramal dengan ilmunya;
- Mengutamakan ilmu yang besar faedahnya terutama yang memberi kebaikan untuk akhirat.
- Menjauhi penguasa dalam konteks yang negatif untuk kepentingan diri dan sebagainya. Hal ini kerana orang berilmu yang terburuk ialah yang mengunjungi penguasa, sementara penguasa yang terbaik ialah yang sentiasa mengunjungi orang yang berilmu;
- Teliti serta tidak terlalu cepat mengeluarkan fatwa, kecuali ianya benar-benar diyakini dan berdasarkan sandaran yang kukuh;
- Lebih mementingkan ilmu yang boleh mengukuhkan keimanan dan ketakwaan;
- Sentiasa takut kepada Allah, serta menjauhi perkara yang tidak berfaedah dan memebazir;
- Berpegang kepada kebenaran dan mempertahankan kebenaran yang dianjurkan oleh Islam;
- Menjaga diri dari pelbagai perkara yang merosakkan seperti bidaah dan sebagainya.

Sebagai golongan intelektual, mereka sewajarnya memahami dan menghayati nilai dan budaya asasi yang mendokong dan mengukuhkan kecendekiawanan mereka. Nilai-nilai serta budaya asasi tersebut ialah, budaya ilmu, budaya befikir serta budaya berkarya.

Budaya Ilmu

Salah satu budaya yang perlu disuburi, dihayati serta diperluaskan ialah budaya ilmu. Ianya pula berkait pula dengan beberapa budaya yang lain seperti budaya membaca dan sebagainya. Budaya ilmu ini akan dihayati jikalau masyarakat memahami hakikat serta kepentingan ilmu itu sendiri. Rasid Muhamad (1996) menyimpulkan, di antara kepantasan ilmu itu melibatkan beberapa perkara, iaitu:

- Dengan ilmu, ianya membolehkan manusia menerima hakikat-hakikat penting dalam kehidupan dengan tepat dan benar. Ini

melibatkan hakikat dirinya sebagai makhluk dan insan, hakikat manusia yang lain, hakikat alam dan makhluk yang lain, serta hakikat Tuhan Yang Maha Pencipta. Persoalan ini merupakan persoalan asasi yang perlu diketahui oleh setiap manusia berdasarkan perspektif yang benar.

- Ilmu membolehkan manusia membangunkan dirinya sebagai insan yang dapat memenuhi matlamat keujudannya, iaitu sebagai hamba dan khalifahNya di muka bumi ini.
- Dengan ilmu manusia dapat membangun dan mengambil manfaat dari alam ini yang diamanahkan oleh Allah untuk manusia melakukannya dengan sebaik mungkin.
- Dengan ilmu, manusia akan dapat memahami, agama yang benar, serta dapat mengetahui cara untuk mendekati diri kepada Allah, yang Maha Pencipta dan Berkuasa itu.
- Hanya dengan ilmu, manusia akan dapat mencapai kemenangan atau kejayaan yang hakiki di dunia dan juga di akhirat.
- Dengan ilmu, manusia akan menjadi umat pilihan "*khaira ummah*" serta dapat merapatkan misi kemanusiaan dan keislaman iaitu, sebagai pembawa "rahmat" ke seluruh alam "*rahmatan lil- alamin*".

Budaya ilmu, seperti yang didefinisikan oleh Wan Muhamad Noor Wan Daud (1988) sebagai "kewujudan satu keadaan yang mana setiap lapisan masyarakat melibatkan diri baik secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam kegiatan keilmuan bagai setiap kesempatan". Maka amat wajar ianya dibudayakan dalam masyarakat. Budaya ilmu ini sewajarnya dihayati khususnya oleh golongan intelektual dan cendekiawan.

Menurut Wan Mohd Noor Wan Daud (1991) pembudayaan ilmu memerlukan perubahan sistem nilai dalam masyarakat. Ini melibatkan perkara-perkara berikut:

- Memupuk nilai dalam masyarakat agar mementingkan ilmu. Ini akan melahirkan masyarakat yang merasakan ilmu itu amat penting dan diperlukan.
- Menyuburkan penghasilan kajian ilmiah, serta memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada pencapaian cemerlang dalam bidang ini. Dengan itu, kegiatan keilmuan akan subur dan berkembang.
- Usaha untuk mewujudkan kesedaran ilmiah diperbanyakkan dalam masyarakat. Usaha-usaha penyelidikan dan pengkajian ilmiah perlu dibudayakan dalam masyarakat.

- Sikap hormat-kritis terhadap ilmu pengetahuan perlu disuburkan. Dengan itu, wacana terbuka, ilmiah serta kritis dapat dibudayakan dalam masyarakat. Budaya pak turut serta taklid buta dapat dibendung. Dengan itu, budaya memanfaatkan segala budaya dari pelbagai sumber dapat dikembangkan, dan masyarakat dapat menerima unsur yang positif dari pelbagai tamadun dan budaya.
- Budaya ilmu juga memanfaatkan ilmu semaksimumnya dalam proses membuat keputusan di setiap peringkat dan tahap. Dengan itu, nilai penyelidikan dan pembangunan (R &D) dalam erti kata sebenarnya barulah benar-benar dihormati, diamal dan dimanfaatkan.
- Peranan golongan wanita perlu dipertingkatkan. Ini adalah kerana, wanita mempunyai peranan yang amat signifikan, khususnya dalam membudayakan ilmu dalam masyarakat dan negara.

Dalam tulisan yang lain Wan Mohd Noor Wan Daud (1991), menyarankan beberapa langkah perlu dan positif perlu dilaksanakan untuk mewujudkan budaya ilmu dalam masyarakat. Ianya melibatkan semua pihak. Di antara perkara yang dianggap keutamaan termasuklah:

- Falsafah pembangunan negara hendaklah bersifat sepadu. Ianya harus berpaksikan untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak dan berupaya untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat. Dengan itu semua pihak harus menghormati matlamat untuk membina insan yang berilmu dalam erti kata yang sebenarnya, dan agenda keilmuan akan mendapat tempat yang sewajarnya sama ada oleh sektor swasta mahupun awam.
- Golongan yang terlibat secara langsung dengan kegiatan keilmuan, seperti guru, pensyarah, ilmuan dan ulama', yang menyampaikan ilmu dan pendidikan mestilah dihargai dan dihormati oleh semua pihak. Begitu juga khazanah ilmu yang dihasilkan juga perlu dihormati dan dipelihara. Disamping penghormatan, ganjaran dan kemudahan yang sewajarnya diberikan kepada golongan ilmuan ini, sekurang-kurangnya setanding dengan bidang lain.
- Golongan ilmuan dan cendekiawan dan mereka yang berjaya dalam bidang keilmuan perlulah didedahkan kepada masyarakat, agar mereka ini menjadi contoh dan ikutan khususnya kepada generasi muda. Dalam hal ini, akhbar dan media massa yang lain perlulah berperanan dengan lebih aktif dan positif dalam hal ini.

- Para pemimpin di setiap peringkat perlulah terlibat secara langsung dengan kegiatan keilmuan. Dengan itu, ilmu akan sentiasa dianggap penting dan hampir dengan seluruh warga masyarakat. Selain dari itu, faktor keilmuan sepatutnya dijadikan ciri utama dalam mencirikan seseorang yang dianggap pemimpin dalam masyarakat.
- Proses membuat keputusan di semua peringkat hendaklah berteraskan kepada nilai dan fakta ilmu. Dengan itu, ilmu akan dirasakan semakin penting, dan kepentingannya dirasai dan dihayati dalam masyarakat.
- Disamping memupuk nilai-nilai positif yang boleh mengembangkan budaya ilmu, nilai-nilai yang boleh membantutkan budaya ilmu juga perlu dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan. Media massa, samada bersifat cetak atau elektronik perlu lebih bertanggungjawab, dan seharusnya berperanan positif dalam menyuburkan budaya ilmu, bukan bertindak sebaliknya. Program yang bercorak hiburan yang tidak terkawal, sebagai contoh, wajar dinilai semula kewajarannya dan perlu dikurangkan.
- Untuk memupuk budaya ilmu, penguasaan bahasa kedua perlu dipertingkatkan, disamping pengukuhan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa perpaduan. Dengan itu, masyarakat akan dapat menikmati karya besar dari pelbagai tamadun dan memperkayakan lagi khazanah ilmu masyarakat Malaysia.

Budaya Berfikir

Budaya lain yang sepatutnya diperkukuhkan ialah budaya berfikir. Ianya merupakan lanjutan dari budaya ilmu secara umum tersebut. Dengan ilmu yang ada ada ianya akan membuahkan budaya berfikir yang sihat dan konstruktif. Gagasan tentang keperluan berfikir secara positif ini amat diberikan penekanan oleh Islam. Hal ini dapat dilihat melalui ayat-ayat al-Quran yang banyak sekali membicarakan persoalan budaya berfikir.

Budaya berfikir perlu disuburkan dalam masyarakat. Dengan cara itu pemikiran yang positif dapat dibina dan masyarakat akan terhindar daripada pelbagai gejala negatif dalam masyarakat khususnya yang berkaitan dengan pemikiran. Di antara gejala negatif tersebut diuraikan oleh Syed Hussein Al-Attas (1977) yang diistilahkannya sebagai "bebalisme". Bebalisme ini mempunyai beberapa nilai asasi, iaitu:

- Tidak mampu memahami dan mengenali sesuatu masalah yang dihadapi.
- Jikalau diberitahu akan permasalahan yang dihadapi, juga tidak akan mampu menyelesaikannya.
- Tidak mampu mempelajari dan memahami apa yang sepatutnya dan wajar dipelajari, malah ianya tidak mempunyai kemahiran belajar.
- Tidak mengakui kebalakan dan kejahilan yang dimilikinya.
- Tidak boleh menghubungkan sesuatu fenomena atau konteks dengan ruang waktu atau pelbagai faktor yang lain yang juga mempengaruhi.
- Bersikap re-aktif, iaitu bertindak balas terhadap sesuatu suasana sementara, tetapi tidak memikirkan akibat serta perkiraan jangka panjang.
- Berfikir hanya melalui sebab yang terhad dan tidak mengaitkannya dengan urutan sebab dan akibat sesuatu perkara itu berlaku.
- Terpenjara dengan tabiat serta kelompok sendiri, tanpa pemikiran yang kritis.
- Tidak mampu dan tidak mahu berfikir secara mendalam.
- Tidak memiliki kekuatan akhlah yang mantap, dan hanya suka berfikir secara dan untuk perkara yang mudah.
- Tidak berupaya memahami dan membicarakan sesuatu yang bersifat falsafah, dan perkara yang abstrak yang tinggi.

Oleh itu, budaya berfikir yang positif, berlandaskan nilai dan dasar yang benar perlu disuburkan dalam masyarakat. Oleh sebab itu, dalam menganalisis kelemahan umat Islam, Malik bin Nabi (1979), telah menyimpulkan penyakit umat Islam amat berkait dengan kelemahan cara dan budaya berfikir di kalangan umat, yang diistilahkan sebagai "*ad-da'fu wal kasal fi al-Tafkir*", yang bermaksud, lemah dan malas dalam berfikir.

Imam al-Ghazali (1980), telah menghuraikan persoalan berfikir serta sumber dan ruang lingkup berfikir yang positif dan murni. Proses tersebut menekankan kepada beberapa perkara utama yang melibatkan perkara berikut, iaitu:

- Berfikir tentang nikmat Allah SWT. Amalan berfikir sedemikian akan membuahkan kecintaan kepada Allah, menyibukkan diri dengan sifat mensyukuri terhadap nikmatNya dalam erti kata yang sebenar.
- Berfikir tentang keluasan ilmu yang dimiliki oleh Allah SWT.

Sifat ini akan membuahkan perasaan malu dalam diri seseorang itu, dan mendorong bertindak dengan sebaik mungkin dan menghindarkan diri dari pelbagai perkara yang dimurkai oleh Allah SWT.

- Berfikir tentang kelalaian diri, dan dengan itu menjadikan seseorang itu melakukan muhasabah terhadap dirinya sendiri, disamping menjauhi kelalaian diri, serta melakukan sesuatu yang baik dengan kesungguhan.
- Berfikir tentang kefanaan kehidupan dunia. Dengan itu, seseorang itu akan membuahkan hidupnya dengan sifat zuhud terhadap kehidupan dunia dan meningkatkan keinginan untuk melakukan dengan sebaik mungkin bagi bekalan kehidupan yang kekal di akhirat.
- Berfikir juga melibatkan persoalan kematian. Dengan itu seseorang itu tidak akan memanjangkan angan-angan yang kosong, di samping meningkatkan amalan yang baik dan diredhai oleh Allah SWT.
- Berfikir tentang akhlak, pahala serta balasan dari Allah. Dengan itu akan membuahkan kecintaan seseorang itu untuk meningkatkan kualiti akhlaknya, dan menghiaskan diri dengan pekerti yang terpuji yang diredhai oleh Allah.

Budaya berfikir yang sihat, bersendikan nilai yang berteraskan ajaran wahyu mampu membentuk generasi yang terbuka dan kreatif. Disamping mampu berperanan dan menjana sesuatu yang baru, sesuai dengan keperluan dan tuntutan zamannya.

Budaya Berkarya

Budaya ilmu dan budaya berfikir dianggap mandul jikalau ianya tidak disusuli dengan budaya berkarya dalam konteks yang luas. Ini termasuklah budaya menghasilkan penulisan, penyelidikan, serta perbincangan serta wacara akademik yang bermutu.

Budaya berkarya merupakan buah dari amalan budaya ilmu dan budaya berfikir dalam masyarakat, terutamanya masyarakat berilmu dan cendekiawan. Biasanya mereka mempunyai motivasi yang tinggi untuk berkarya. Muhammad Ahmad Ismail al-Muqaddam (2005) melalui karyanya *Meraih Cita-Cita Dengan Semangat Membara*, menjelaskan ciri mereka yang istimewa tersebut memiliki sejumlah watak yang baik, ini melibatkan, sihat tubuh badan, ingatan yang kuat, pemahaman yang cepat dalam menyerap pengetahuan, gemar membaca, percaya kepada

diri sendiri, sabar, mandiri, penuh semangat, memiliki kematangan sosial, tumbuh dalam lingkungan sosial yang baik, rajin, tekun dan lain-lainnya.

Kesan dari penghayatan budaya ilmu, budaya berfikir dan budaya berkarya, tamadun Islam telah melahirkan sejumlah pemikir dan pembina ketamadunan dalam pelbagai bidang yang bertaraf dunia. Ini termasuklah, Ibnu Sina, Ibnu Khaldun, Al-Khawarismi, al-Khawarizmi, al-Idrisi dan lain-lainnya. Mereka berkarya bukannya didorong oleh kepentingan keduniaan dan royalti, tetapi oleh rasa tanggungjawab ilmiah, dan dorongan keagamaan.

Sebagai golongan cendekiawan di institusi pengajian tinggi (IPT), tentunya mempunyai peranan yang besar. Oleh itu, budaya asasi, iaitu budaya ilmu, budaya berfikir, dan budaya berkarya sewajarnya dihayati. Agar dengan itu, generasi kini tidak hanya bergantung dan bernostalgia kepada sumbangan serta keagungan generasi lalu, tetapi membina kekuatan dan kehebatan serta sumbangan mereka pada zamannya pada zaman dan masa kini.

Dalam konteks peranan pensyarah sebagai golongan cendekiawan, budaya berkarya dalam bentuk yang luas boleh dilaksanakan melalui kegiatan berikut:

1. Memberikan pengajaran yang diamanahkan dengan berkesan, ikhlas dan bertanggungjawab. Ini termasuklah dengan mengemukakan pengisian dan pendekatan yang terkini, agar ilmu yang dicurahkan benar-benar mantap, dan bersesuaian dengan cabaran dan tuntutan zaman.
2. Memberikan perkhidmatan kepakaran kepada masyarakat kampus dan masyarakat luar. Dengan itu, kehadiran sesebuah institusi pengajian tinggi serta golongan cendekiawan dirasakan oleh masyarakat.
3. Melakukan penyelidikan dan perundingan. Dengan itu, ianya kan menyegarkan apa yang akan diberikan kepada pelajar dan masyarakat umum, yang diperkukuhkan dengan dapatan dan penemuan baru dan terkini.
4. Melakukan penulisan dalam pelbagai bentuk dan wahana. Ini termasuklah buku, jurnal dan penulisan popular dalam akhbar dan majalah. Dengan itu, ilmu dapat disebarkan dan mendatangi khalayak yang pelbagai dan merata. Dengan itu khazanah ilmu dapat dipertingkatkan.
5. Terlibat dalam forum-forum akademik, seminar, wacana, pembentangan kertas kerja di pelbagai peringkat; kebangsaan dan antara bangsa. Dengan itu, seseorang itu, akan mendapat pendedahan dan pengalaman yang luas.

Dengan itu, kematangan, pengalaman, serta kewibawaan seseorang cendekiawan itu bukan sahaja dapat dipertingkatkan, tetapi kewujudan dan kehadiran mereka akan dirasai oleh masyarakat. Kepakaran mereka dapat dimanfaatkan, masyarakat dan negara juga mendapat kesan langsung dari penglibatan aktif golongan ini.

Kesimpulan

Budaya ilmu, budaya berfikir, dan budaya berkarya perlu disuburkan dalam masyarakat, khususnya di kalangan golongan akademik dan cendekiawan. Budaya ini bukan satu pilihan, tetapi satu kemestian. Ianya perlulah didorong oleh rasa bertanggungjawab kepada amanah ilmiah, disamping menjadikannya sebagai wahana untuk mendapat serta meraih keberkatan hidup serta keredhaan dariNya yang maha mengetahui. Ianya merupakan peranan dan misi suci bagi golongan yang disebut cendekiawan.

Rujukan

- Abdul Rahman Ahmad. (2006). *Penguasaan ilmu pengetahuan: Pencetus kreativiti dan inovasi ke arah k-ekonomi*. Kuala Lumpur: Human Resources Academy.
- Ali Syariati. (1985). *Ideologi kaum intelektual- satu wawasan Islam*.(trj). Bandung: penerbitan Mizan.
- Al-Ghazali. (1980). *Ihya Ulmumuddin* (trj) Jilid 1 hingga 8, Medan: Pustaka Indonesia.
- Malik Bennabi . (1979). *Mushkilat al-Thaqafah*. Tarabulus: Dar al-Fikr.
- Muhammad Ahmad Ismail al-Muqaddam. (2005). *Meraih cita-cita dengan Semangat Membara*. (trj), Jakarta: Robbani Press.
- Rasid Muhamad. (1996). *Matra Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Seodjatmoko. (1984). *Dimensi manusia dalam pembangunan*. Jakarta: Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial (LP3ES).

- Siddiq Fadzil. (2006). *Kaum ilmuan dan misi pencerahan*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Syed Hussein al-Atas. (1977). *Intellectual in developing societies*. London: Frank Cass.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1988, Mac). dalam *Dewan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Wan Mohd Noor Wan Daud. (1988). *Budaya imu: Konsep, pra syarat dan pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Noor Wan Daud. (1991). *Penjelasan budaya ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP).
- Ziauddin Sardar. (1998). *Jihad intelektual: Merumus parameter-parameter sains Islam*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Zaini Ujang. (1993). *Universiti: Mendukung tradisi intelektual*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar (IKD).
-

RASID MUHAMAD, CITU, Universiti Teknologi MARA Pahang.
rasid@pahang.uitm.edu.my